

REMAJA DAN DADAH

*Wahyuni Ismail
Mostafa Kamal Mokhtar
Nasruddin Subhi
Fauziah Ibrahim*

Penyelidikan ini untuk mengkaji kajian-kajian teoretis terdahulu mengenai remaja dan dadah. Para ahli psikologi khasnya psikologi perkembangan menaruh perhatian yang sangat besar terhadap remaja. Masa remaja adalah masa yang penuh cabaran, cubaan, gejala dan tekanan sehingga menimbulkan *high risk behavior*. Remaja sangat terkait dengan perilaku berisiko khasnya penyalahgunaan dadah kerana impak daripada pertumbuhan dan perkembangan yang remaja alami. Kondisi psikologis remaja dengan lingkungan persekitarannya yang saling mempengaruhi menyebabkan mereka berfikir untuk melakukan perilaku anti sosial atau perilaku pro sosial. Jika lingkungan keluarga, sekolah dan kumpulan geng dan lingkungan persekitarannya menyediakan sokongan yang baik maka tidak akan memberikan peluang kepada remaja berperilaku berisiko seperti dikeluarkan daripada sekolah, kenakalan remaja, kehamilan remaja tanpa adanya ikatan perkahwinan, perilaku penyalahgunaan dadah, bahkan perilaku bunuh diri. Remaja tak menyedari kesan yang boleh diperoleh daripada dadah ini.

REMAJA DAN DADAH

Wahyuni Ismail¹⁾

Mostafa Kamal Mokhtar, Nasrudin Subhi Fauziah Ibrahim

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia FSSK,UKM

wismail.shivdasany@gmail.com

Artikel ini bertujuan mengkaji tentang remaja dengan pelbagai dinamik dalam menyalahgunakan dadah. Para ahli psikologi khususnya ahli psikologi perkembangan memberi tumpuan besar terhadap remaja. Masa remaja adalah masa yang penuh cabaran, gejala dan tekanan sehingga boleh menimbulkan tingkah laku pro sosial atau antisosial. Hal ini terjadi kerana impak daripada pertumbuhan dan perkembangan yang remaja alami. Method yang digunakan adalah kajian kepustakaan mengenai remaja dan penyalahgunaan dadah. Implikasi kajian diharapkan memberi kefahaman bahawa keadaan psikologi remaja dengan persekitarannya yang saling mempengaruhi menyebabkan mereka bertingkah laku. Jika lingkungan keluarga, sekolah dan kumpulan rakan sebaya menyediakan sokongan yang baik maka tidak akan memberikan peluang kepada remaja untuk menyalahgunakan dadah.

PENGENALAN

Masa remaja merupakan salah satu tahap perkembangan manusia yang paling banyak mengalami perubahan. Perubahan itu meliputi perubahan fizikal, intelektual, moral, sosial, dan emosional. Pada masa ini remaja mengalami banyak kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungannya yang ditandai oleh konflik dengan orang tua, dan lingkungan sekitarnya. Individu mengalami peralihan dari dan mengalami perubahan baik emosi, tubuh, minat, pola perilaku, serta penuh dengan masalah (Hurlock, 1998).

Menurut beberapa pendapat pakar psikologi perkembangan menjelaskan remaja pada masa ini mengalami *storm and stress* (Rutter, 1995; Santrock, 1996, 2007), penuh gelora dan tekanan, penuh cabaran, serta cubaan (Khaidzir, 2011; Khaidzir dan Khairil, 2005). di dalam jiwa mereka. Mereka berusaha mencari identiti diri, mengutamakan tindakan daripada proses berfikir, dan selalu mencuba perkara baru yang berada di persekitaran mereka. Masa remaja juga merupakan masa yang unik dan kompleks kerana pelbagai soalan yang berlaku, baik perilaku pro sosial mahupun perilaku antisosial atau *high risk behavior* (Arnett, 1990).Berbagai tindakan antisosial terjadi dalam kalangan remaja. Salah satu perilaku antisosial yang sangat mengkhawatirkan adalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Paling banyak pengguna dadah adalah remaja berumur 12-17 tahun (*Substance Abuse and Mental Health Services Administration USA, 2007; Office of Applied Studies USA, 2007; Crandel, et al, 2009*).

Mengapa daripada sebahagian besar kes penyalahgunaan dadah, remaja menduduki peringkat tertinggi? Faktor pertama adalah ciri khas remaja selalu ingin mencuba perkara baru dan tahap perkembangan yang sedang terjadi di usia ini. Santrock (2003), menemukan beberapa alasan mengapa remaja menyalahgunakan dadah iaitu kerana ingin tahu, untuk meningkatkan rasa percaya diri, peduli, adaptasi dengan lingkungan, mahupun untuk kompensasi. Sebaliknya Smith dan Anderson (dalam Fagan, 2006), berpendapat kebanyakan remaja melakukan perilaku berisiko dianggap sebagai sebahagian daripada proses perkembangan yang normal. Kaplan & Sadock (1997), Rey (2002) dan Hart et al. (2009) mengemukakan perilaku antisosial yang paling sering dilakukan oleh remaja adalah penggunaan rokok, alkohol dan dadah.

Mc Wirther, et al. (2007) menjelaskan konflik dan tekanan yang dihadapi remaja sangat terkait dengan soalan perilaku berisiko. Dinamik psikologi remaja dengan persekitarannya yang saling mempengaruhi menyebabkan mereka berfikir untuk melakukan perilaku anti sosial atau perilaku pro sosial. Timbulnya konflik dan tekanan tersebut kerana pengaruh daripada pertumbuhan dan perkembangan yang dialami oleh kalangan remaja (Daradjat, 1993; Hurlock, 1998). Dapat dikatakan

pada masa ini para remaja senang terpengaruh oleh sesuatu hal yang merupakan cabaran baginya, seperti yang dikatakan Ahern et.al (2008) bahawa realiti dalam kalangan remaja sangat mudah terlibat dengan perilaku berisiko kerana rasa ingin tahu tinggi termasuk mencuba merasakan dadah. Padahal mereka tidak menyedari impak daripada dadah tersebut. Inilah yang menjadi objektif kajian literatur untuk mengetahui dinamik psikologi remaja terhadap penyalahgunaan dadah.

REMAJA

1. Pengertian Remaja

Perkataan remaja atau *adolescence* berasal dari bahasa Latin *adolescere* yang bererti *to grow up* atau menjadi dewasa (Berzonsky, 1981) bahawa alam remaja adalah tahap di antara alam kanak-kanak dan alam dewasa. Senada pendapat Garison dan Garison (dalam Hasselt dan Hersen 1987) bahawa remaja adalah '*in between periode*', iaitu alam di mana individu tidak bisa digolongkan lagi sebagai anak-anak, namun belum matang jika digolongkan menjadi orang dewasa.

Menurut Ramsey (1987), rentang usia remaja dimulai pada usia 10-13 tahun dan berakhir pada usia 19-21 tahun. Turner dan Helms (1991) membagi usia remaja antara 13-19 tahun. *World Health Organization* (WHO) menghadkan usia remaja antara 12-24 tahun dan membahagi menjadi tiga tahap iaitu remaja awal (*early adolescence*) usia 10-14 tahun, remaja madya (*middle adolescence*) usia 15-17 tahun dan remaja akhir (*late adolescence*) usia 18-25 tahun. Sementara itu, di Indonesia had usia remaja adalah umur 14 sampai 24 tahun (Sarwono 2008). Berdasarkan pendapat tersebut boleh difahamkan bahawa had usia remaja berbeza setiap pakar disebabkan kerana perbezaan perspektif.

2. Perkembangan Remaja

Menurut Noraini (2000) masa remaja memiliki pertumbuhan dan perkembangan yang menyeluruh seperti 1) aspek fizikal mengalami pertumbuhan organ dan kelenjar seks yang menyebabkan naluri seks dan ketertarikan kepada jantina, 2) aspek mental merujuk kepada remaja sudah mengetahui hal abstrak ketika berusia 12 tahun dan usia 14 tahun menolak perkara-perkara yang tidak logik, tahap ini juga orang dewasa sedar akan sikap suka membantah dan mengkritik, 3) aspek sosial, ketika berusia 16-18 tahun mulai menunjukkan perkembangan sosial. Persekitaran sosial remaja tidak terbatas dalam keluarga saja tapi lebih beragam lagi seperti pada lingkungan masyarakat dan teman sebaya. Monks, et.al (1989) mengemukakan bahawa pada perkembangan sosial remaja terdapat dua gerak iaitu memisahkan diri dari orang tua dan menuju rakan sebaya untuk menemukan identiti dirinya. 4) aspek moral, akan membentuk tingkah laku mereka, pada remaja awal tingkah laku yang dipamerkan adalah menarik perhatian sekitarnya, kemudian terbina kemandirian agama yang mempengaruhi perilaku nya.

Perkembangan psikologi pada masa remaja tidak lepas dari pengaruh situasi dan kondisi lingkungan. Perkembangan psikik mencakup perkembangan emosi, intelektual, minat, moral bahkan religiosities. Emosi adalah gambaran perasaan mendalam yang menimbulkan suatu perbuatan. Pada saat remaja kepekaan emosi meningkat sehingga dapat menimbulkan luapan emosi (Haditono, 1989). Perkembangan intelektual remaja mulai berkembang dan memiliki kemampuan berfikir abstrak yang menunjukkan perhatian besar pada kejadian dan peristiwa yang tidak konkrit seperti memilih pasangan hidup dan pekerjaan (Gunarsa & Gunarsa, 1988). Fikiran sering dipengaruhi teori dan idea yang menyebabkan sikap kritis terhadap situasi serta berkembang pula rasa ingin tahu dan mencuba melakukan sesuatu hal tentang apa yang dilakukan orang dewasa. Furter (dalam Monks dkk, 1989) mengatakan bahwa kehidupan moral merupakan permasalahan yang pokok bagi remaja maka akan terlihat remaja seolah-olah kehilangan arah dan tujuan

Berdasarkan huraian di atas maka dapat disimpulkan bahawa masa remaja merupakan masa seseorang banyak mengalami perubahan dan perkembangan baik secara fizikal, psikologi dan sosial. Masa remaja sering pula disebut sebagai masa seseorang mengalami krisis identiti. Lingkungan sangat menentukan pembentukan identiti peribadi dan berperanan dalam mengarahkan perilaku remaja.

3. Perbezaan Jantina

Jantina adalah karakteristik anatomi yang membezakan antara lelaki dan perempuan. Perbezaan ini disebabkan kerana pengaruh jumlah kromosom X dan Y yang dibawa sejak lahir. Menurut Walgito (1991) perbezaan lelaki dan perempuan dapat dilihat melalui aspek : a) sosiologis, lelaki cenderung bersifat menentang aturan sedangkan perempuan cenderung bersifat tunduk terhadap aturan, b) psikologi lelaki bersifat lebih aktif, agresif, tertarik pada hal bersifat intelektual dan rasional, berani mengambil keputusan manakala perempuan lebih pasif, submisif dan emosional, c) fizikal tubuh lelaki kelihatan lebih kekar, kuat, lebih kasar, dada kelihatan lebih bidang, mempunyai jenggut dan kumis sedangkan perempuan tubuhnya kelihatan lebih langsing, ototnya kelihatan tidak keluar dan tidak menonjol, kulitnya lebih halus, pinggul dan buah dada lebih besar.

Aspek lain iaitu perbezaan kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan. Hasil kajian Carlson (dalam Purwati, 1993) menunjukkan lelaki cenderung lebih tinggi dalam orientasi sosial sedangkan perempuan lebih tinggi dalam orientasi personalnya. Menurut Mulder (1985) pandangan stereotaip dalam masyarakat, lelaki dipandang lebih tinggi dalam pelbagai kemampuan dibandingkan perempuan. Kail dan Nelson (1992) mengatakan stereotaip dalam masyarakat seperti lelaki lebih agresif daripada perempuan, kurang mampu menunda kepuasan, impulsif dan lebih berani mengambil risiko. Prawitasari, et al (1985) menemukan juga perbezaan perempuan mempunyai kecenderungan lebih hangat, emosional, sopan, dan peka sedangkan lelaki cenderung lebih stabil, dominan, dan impulsif. Hall, et.al (1984) menemukan umumnya perempuan lebih ekspresif, mampu mengungkap dan mengertikan komunikasi non verbal seperti ekspresi wajah, gerak tubuh, dan nada suara sedangkan lelaki cenderung menyangkal apa yang dirasakan meskipun terjadi perubahan yang signifikan.

Perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan dalam hal penyalahgunaan dadah juga mempengaruhi perilaku mereka. Saat ini trend dalam data menunjukkan bahwa kesenjangan gender dalam penggunaan dadah terus menyusut dalam kalangan remaja (Johnston, et. al., 2007). Penggunaan dadah hampir sama untuk lelaki dan perempuan (National Institute on Drug Abuse, 2006). Pada kes tertentu, penggunaan dadah pada gadis melebihi rekan-rekan peria mereka. Perempuan menggunakan inhalansia, amfetamin, methamphetamine, ubat penenang, rohypnol, dan rokok melebihi lelaki (Wallace, et. al., 2003). Schwinn et al. 2010 mengatakan bahawa mengkhawatirkan tingkat penggunaan dadah perempuan lebih dua kali ganda daripada lelaki sejak sekolah menengah ke sekolah tinggi.

Back, et.al., (2011) membandingkan karakteristik demografi, keparahan penggunaan dadah, dan daerah terkait lainnya . Perbezaan profil gender penting di klinik opioid tergantung keparahan penggunaan dadah, keinginan, kondisi medik, dan penurunan fungsi bidang terkait. Hasil kajian meningkatkan karakteristik pengubatan lelaki dan wanita dengan ketergantungan opioid, dan berguna dalam meningkatkan identifikasi, pencegahan, dan upaya pengubatan ini.

Pope, et.al., (2011) di University of Arkansas for Medical Sciences, Little Rock, USA. Memahami karakteristik pengguna kokain dan di daerah pedesaan yang dapat membantu pencegahan, pendidikan, dan pengubatan serta upaya untuk mengatasi penggunaan stimulant. Wanita menggunakan 1,8 kali kokain dibandingkan lelaki. Temuan ini juga menunjukkan profil yang berbeza dan pola penggunaan kokain untuk lelaki dan pengguna wanita di daerah pedesaan. Temuan di perkotaan berasas gender kerentanan konsekuensi negatif dari penggunaan kokain.

Prasetyo (2010) bekerjasama Pusat Penelitian Kesehatan, Fakulti Kesehatan Masyarakat Universitas Indonesia di 13 provinsi di Indonesia menilai adanya pengaruh gender pada kelangsungan penggunaan dadah. 92 % pengguna dadah lelaki lebih banyak daripada perempuan; 99% subjek merokok semasa masih belajar . Separuh daripada subjek menyatakan telah mengguna dadah setelah mula merokok sekitar 1-2 tahun.

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa fenomena ramainya penyalahgunaan dadah yang dilakukan oleh remaja lelaki disebabkan kerana lelaki memiliki hubungan *relationship* sehingga mudah berteman berbanding perempuan. Oleh kerana lingkup pergaulan yang luas tersebut maka remaja lelaki lebih cenderung mencuba dan merasakan perkara baru walaupun itu adalah perilaku antisosial seperti penyalahgunaan dadah.

Bertolak dari pendapat di atas maka dapat diketahui bahwa antara lelaki dan perempuan memang berbeza baik secara fizikal, psikologi mahupun sosiologi. Perbezaan-perbezaan itu pada akhirnya akan mempengaruhi perilaku di antara lelaki dan perempuan termasuk dalam perilaku penyalahgunaan dadah.

PENYALAHGUNAAN DADAH

1. Pengertian Dadah (Narkoba)

Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (Poerwadarminta, 1982) narkoba adalah akronim daripada kata Narkotik, Psicotropika dan Obat Berbahaya lainnya. Dadah mempunyai banyak macam, bentuk, warna dan pengaruh terhadap tubuh dan fizikal, dadah juga memiliki banyak persamaan, salah satunya adalah sifat ketergantungan di dalam zat narkotik tersebut (Adisti, 2007). Istilah narkoba muncul sekitar tahun 1998 kerana pada saat itu banyak terjadi penggunaan zat termasuk narkotik dan ubat-ubatan adiktif yang terlarang. Istilah ini digunakan untuk memudahkan orang berkomunikasi tanpa menyebutkan istilah yang tergolong panjang iaitu Narkotik, Psicotropika dan Obat Berbahaya lainnya (Supramono, 2004).

Penggunaan istilah narkoba di Indonesia sangat bervariasi. Menurut Departemen Kesihatan Republik Indonesia, Direktur Jenderal Bimbingan Kesihatan Masyarakat iaitu Direktorat Kesihatan Jiwa Masyarakat bahawa NAPZA yang merupakan akronim daripada narkotik, psicotropika dan zat adiktif. Jadi istilah napza, narkoba, narkotik, psicotropika, madat dan ubat terlarang disebut sebagai "zat" atau *substances* yang dapat menimbulkan ketergantungan kerana mengandungi zat adiktif yang mengubah aktiviti otak dan zat psiko aktif yang membahayakan bagi tubuh. Pemerintah Indonesia menggunakan istilah narkotik. Kata narkotika sendiri berasal dari bahasa Yunani "*narkoum*" yang mengandungi erti membuat lumpuh atau membuat mati rasa (Handoyo & Rusli, 2008).

Dadah ialah zat yang menawarkan kenikmatan namun di balik itu diam-diam boleh membunuh penggunanya. Jika selamat daripada kematian impaknya boleh menimbulkan gangguan fungsi organ tubuh (Sinar Indonesia, 2008). Zat tersebut sering kali disalahgunakan sehingga menimbulkan ketagihan '*addiction*' sampai pada tahap ketergantungan '*dependence*'.

2. Pengertian Penyalahgunaan Dadah

Gardon (2000) mendefinisikan penyalahgunaan adalah seseorang yang mempunyai masalah yang secara langsung berhubungan dengan dadah. Masalah tersebut bisa muncul dalam ranah fizikal, mental, emosional mahupun spiritual. Widjono, et.al (dalam Kuntari, 2011) mengemukakan penyalahgunaan ubat sebagai pemakaian ubat secara terus menerus, atau sesekali tetapi berlebihan dan tidak menurut petunjuk doktor atau praktik kedokteran. Hal ini selaras dengan definisi dari Kementerian Sosial yang menyebutkan penyalahgunaan narkoba adalah penggunaan oleh seseorang di luar tujuan pengobatan dan atau ilmu pengobatan (Departemen Sosial, 2003).

Manakala menurut Undang-Undang Republik Indonesia No. 22 Tahun 1997, penyalahgunaan adalah penggunaan *narkoba* (narkotika, psicotropika dan zat adiktif lainnya) tanpa berpengetahuan dan pengawasan doktor. Yunita (2010) menjelaskan penyalahgunaan narkoba adalah suatu pemakaian non medical yang dinamakan narkotik dan ubat-ubatan adiktif yang dapat merosak kesihatan dan kehidupan produktif manusia pemakainya.

Kecenderungan penyalahgunaan dadah yang dimaksudkan ialah intensiti. Intensiti diertikan sebagai usaha yang disedari untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Intense merupakan indikasi kuatnya usaha individu dalam merencanakan dan mencuba melakukan suatu perilaku. Menurut Ajzen, (1988) intense ditentukan oleh dua hal iaitu:

1. Sikap individu dibentuk oleh keyakinan subyektif. Keyakinan ialah segala bentuk informasi yang akan digunakan untuk melakukan evaluasi objektif. Evaluasi akan membawa individu pada suatu sikap iaitu sikap positif atau sikap negatif. Individu yang mempunyai berbagai macam informasi mengenai ubat akan menggunakan informasi tersebut untuk melakukan

evaluasi yang membawa seseorang pada keyakinannya tentang dadah. Jika individu meyakini dadah memberikan impak positif baginya maka menurut teori ini dia akan mempunyai sikap positif terhadap dadah. Sebaliknya jika dia meyakini dadah dapat merugikan dirinya maka sikapnya terhadap dadah ialah negatif.

2. Norma atau aturan subyektif individu, secara umum norma subyektif ditentukan oleh harapan daripada seorang atau kumpulan orang yang dianggap penting oleh individu dan ditentukan oleh motivasi individu untuk memenuhi harapan tersebut.

Mengikut Throop & Castellucci (2005) mengatakan penyalahgunaan dadah adalah penggunaan dadah di luar daripada midis di mana hasil tersebut sangat membahayakan fizikal, emosional mahupun mental.

3. Proses Perilaku Penyalahgunaan Dadah

Irwanto (1983) dan Yatim (1991) mengemukakan pada masyarakat ada lima jenis orang yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah iaitu bukan pengguna dadah, pemakai dadah secara cuba-cuba, pemakai dadah secara *having fun*, pengguna dadah secara tetap, dan pengguna dadah secara ketergantungan. Penjelasan lebih detail dikemukakan oleh Hadjam (1988) dan Fuhmann (1990) bahawa proses kecenderungan keterlibatan individu dalam penyalahgunaan dadah melalui beberapa tahap, iaitu:

1. Berkenalan dengan dadah ialah menunjuk kepada tingginya minat individu terhadap informasi tentang kenikmatan dadah.
2. Mencuba-cuba menggunakan dadah, iaitu menunjuk kepada tingginya minat individu guna mencuba pertama sekali setelah memperoleh informasi mengenai dadah sama ada kerana *curiosity*, desakan dari kawan mahupun dorongan daripada lingkungan persekitaran.
3. Menggunakan dadah secara *having fun*, menunjuk kepada tingginya minat individu menggunakan dadah secara berkala khasnya pada masa pesta bersama kawan-kawan.
4. Menggunakan dadah secara teratur tanpa adanya ketergantungan, tingginya minat individu menggunakan dadah secara tetap dalam masa tertentu.
5. Menggunakan dadah secara tetap kerana adanya unsur ketergantungan, sama ada ketergantungan fizikal mahupun secara psikologi.
6. Menghentikan penggunaan dadah dengan kegiatan terapi, iaitu tingginya minat individu untuk menghentikan perilaku nya terhadap penyalahgunaan dadah.

Selari pendapat di atas, Faupel (dalam Ratnasingam & Rahman, 1990) mencadangkan empat tipologi proses individu menggunakan dadah, iaitu 1) pengguna kadangkala/ *occasional user*, 2) pengguna biasa stabil/*stabilized junkie*; 3) pengguna biasa yang tidak rutin/*free-wheeling junkie*; dan 4) pengguna yang tidak dapat mengawal dirinya/*street junkie*. Menurut Cohen (dalam Ratnasingam & Rahman, 1990) menghuraikan 5 jenis proses individu menjadi pengguna dadah ialah:

- a. Pengguna yang mengalami penyakit emosi, individu ini dianggap mengalami masalah emosi sejak muda seperti sering murung, mencuba bunuh diri, dan pernah menerima rawatan psikiatri.
- b. Pengguna normal iaitu individu yang memiliki kelebihan sosial seperti pendidikan dan taraf sosioekonomi tinggi.
- c. Pengguna profesional yang juga menjadi penjenayah, individu ini dijangka pernah melanggar undang-undang sejak remaja.
- d. Pengguna yang kekurangan sosialisasi iaitu individu daripada keluarga bermasalah, pernah dibiarkan dan kurang dididik.
- e. Pengguna yang mencari perangsangan sensasi, iaitu berasal daripada keluarga stabil tetapi memiliki masalah adaptasi seperti suka bergaduh, sering ponteng sekolah, dan bersifat hiperaktif.

Penyalahgunaan dadah dalam kajian ini adalah menekankan kepada proses keterlibatan remaja terhadap penggunaan dadah dengan tidak menurut petunjuk doktor. Penyalahgunaan dadah tersebut dapat menimbulkan gangguan baik fizikal mahupun jiwa seseorang, diikuti dengan akibat sosial yang tidak diinginkan.

4. Jenis - Jenis Dadah

1. Narkotik

Menurut Undang-Undang Republik Indonesia No. 35 Tahun 2009 tentang Narkotik BAB I, Pasal I disebutkan bahwa "Narkotik adalah zat atau obat yang berasal dari tanaman atau bukan tanaman, baik sintetis maupun semi sintetis, yang dapat menyebabkan penurunan atau perubahan kesadaran, hilangnya rasa, mengurangi sehingga menghilangkan rasa sakit, dan dapat menimbulkan ketergantungan Narkotik dibedakan ke dalam golongan-golongan :

A. Golongan I :

Narkotik hanya dapat digunakan untuk pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi dan tidak digunakan dalam terapi, memiliki dampak yang sangat tinggi sehingga mengakibatkan adiktif. Contoh : opium, heroin, kokain dan ganja.

B. Golongan II:

Narkotik yang berkhasiat dalam pengobatan, digunakan sebagai pilihan terakhir, dan dapat digunakan sebagai terapi atau tujuan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi serta mempunyai potensi yang mengakibatkan ketergantungan. Contoh : morfin, petidin, methadone.

C. Golongan III

Narkotik yang berkhasiat untuk pengobatan dan banyak digunakan dalam terapi atau untuk pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi serta mempunyai potensi ringan dalam mengakibatkan ketergantungan. contoh ialah codeine.

Narkotik yang sering disalahgunakan adalah Narkotik Golongan I:

- Opiat: morfin, heroin, petidin, candu, dan lain-lain
- Ganja atau kanabis, marijuana, hashis.
- Kokain, yaitu serbuk kokain, pasta kokain, daun koka.

Psikotropika

Berdasarkan Undang – Undang Republik Indonesia No. 5 tahun 1997 mengatakan bahwa psiko tropika adalah zat atau obat alamiah maupun sintesis bukan narkotik yang berkhasiat mempengaruhi susunan saraf pusat dan dapat menurunkan kesadaran sehingga menyebabkan perubahan mental dan perilaku pemakainya. Penggolongan psiko tropika dapat dibagi menjadi :

Psikotropika Golongan I :

Psiko tropika yang hanya dapat digunakan untuk tujuan IPTEK dan tidak digunakan dalam terapi, mempunyai potensi amat kuat yang mengakibatkan sindrom ketergantungan. Contoh: ekstasi dan LSD (*Lisergik dietilamida*).

Psikotropika Golongan II :

Psiko tropika yang berkhasiat untuk pengobatan dan dapat digunakan dalam terapi atau untuk tujuan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi, mempunyai potensi kuat yang mengakibatkan sindrom ketagihan. Contoh golongan II ini adalah amfetamina dan methamphetamine (syabu), metilfenidat atau Ritalin.

Psikotropika Golongan III :

Psiko tropika yang berkhasiat pengobatan dan banyak digunakan dalam terapi dan atau untuk tujuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta mempunyai efek sedang mengakibatkan sindrom ketergantungan. Contohnya adalah fetamin, flunitrazepam dan amobarbital.

Psikotropika Golongan IV :

Psiko tropika yang berkhasiat pengobatan dan sangat luas digunakan dalam terapi dan atau untuk tujuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta memiliki potensi ringan yang mengakibatkan sindrom ketergantungan. Contoh adalah diazepam, bromazepam, klonazepam, klordiazepoxide, nitrazepam, barbiturat, dan fenobarbital.

Psiko tropika yang sering disalahgunakan antara lain psikostimulansia yang berupa amfetamin, ekstasi, shabu. Sedatif dan hypnotic (ubat penenang, obat tidur) seperti MG, BK, DUM, Pil koplo dan lain-lain. Halusinogen seperti Lysergic acid diethylamide (LSD), mushroom.

III. Zat Adiktif Lain

Zat adiktif lain yang dimaksudkan ialah bahan atau zat yang berpengaruh psiko aktif di luar yang disebut narkotik dan psiko tropika, meliputi :

1) **Minuman beralkohol,**

Mengandung etanol etil alkohol, yang berpengaruh menekan susunan saraf pusat, dan sering diguna dalam kebudayaan tertentu. Jika digunakan sebagai campuran dengan narkotik atau psiko tropika, memperkuat pengaruh ubat/zat itu dalam tubuh manusia. Ada 3 golongan minuman beralkohol, iaitu :

- **Golongan A** : kadar etanol 1-5%, (*Bir*)

- **Golongan B** : kadar etanol 5-20%, (Berbagai jenis *minuman anggur*)

- **Golongan C** : kadar etanol 20-45 %, (Whiskey, Vodka, TKW, Manson House, Johnny Walker, Kemptu).

2) **Inhalansia** (gas yang dihirup) dan solvent (zat pelarut) mudah menguap berupa senyawa organik, terdapat pada berbagai barang keperluan rumah tangga, kantor dan sebagai pelumas mesin seperti lem, thinner, penghapus cat kuku, dan benzin.

3) **Tembakau**: Penggunaan tembakau yang mengandung nikotin sangat luas di masyarakat. Penggunaan rokok dan alkohol terutama pada remaja, harus menjadi bagian dari upaya pencegahan, kerana rokok dan alkohol sering menjadi pintu masuk penyalahgunaan dadah.

5. Faktor-faktor Penyebab Penyalahgunaan Dadah Pada Remaja

Pelbagai faktor remaja menyalahgunakan dadah baik yang berasal dari kondisi psikologi dan lingkungan sekitarnya Blaine (dalam Agung, 2009); Syafii (2009); Sugiarto (2010) ; Kuntari, (2011) , pengetahuan bahaya dadah (Aussin, 2007; Ainol, 2010).

Siswanto (1993) mengemukakan ada beberapa faktor saling berkaitan sehingga remaja melakukan penyalahgunaan dadah, iaitu:

1. Faktor kemudahan dadah diperoleh. Pada hakikatnya dadah telah dilakukan pengawasan yang ketat, namun reality sampai juga kepada pengguna dadah.
2. Faktor khasiat dadah, individu menyalahgunakan dadah kerana mengharapkan impaknya. Walaupun ramai penagih dadah sebenarnya telah mengakui akibat buruk dan saman yang diperoleh tetapi mereka berani mengambil risiko.
3. Faktor individu, meliputi faktor keperibadian dan faktor biologic mereka. Ketergantungan dadah senang terjadi kepada keperibadian lemah yang tergolong berisiko tinggi dengan sifat-sifat seperti mudah putus asa, kecewa, mudah bosan, dan mengutamakan kenikmatan sesaat.
4. Faktor lingkungan iaitu persekitaran yang memberikan peluang.

Capuzzi (dalam Furhmann,1990) mengatakan penyebab penyalahgunaan dadah ada2:

- a. Faktor sosial seperti pengaruh keluarga, afiliasi religious, pengaruh teman sebaya dan pengaruh teman di sekolah.
- b. Faktor personal yang meliputi rasa inferior, rasa *curiosity*, petualangan dan dorongan impulsif.

Herman Rahami (2005) menjelaskan faktor yang menyebabkan seseorang menyalahgunakan dadah iaitu faktor individu dan faktor lingkungan. Penerimaan masyarakat, keadaan lingkungan yang miskin dan patologi individual dapat menambah kemungkinan penyalahgunaan itu. Faktor keperibadian, teman sebaya dan pengaruh ibu bapa berpengaruh kuat salah satu faktor saja sudah cukup untuk menyebabkan penyalahgunaan dadah. Beberapa pendapat tersebut difahami bahawa pelbagai faktor remaja melakukan perilaku penyalahgunaan dadah kerana dipengaruhi oleh faktor external dan faktor internal mereka sendiri.

RUMUSAN

Masa remaja merupakan masa yang paling banyak mengalami perubahan. Perubahan yang terjadi meliputi kondisi fizikal dan psikik yang akan menimbulkan konflik dan tekanan dalam jiwa remaja. Hal tersebut terjadi merupakan dampak daripada pertumbuhan dan perkembangan yang dialaminya sehingga mempengaruhi perilaku remaja. Remaja akan melakukan perilaku pro sosial maupun perilaku antisosial sangat bergantung kepada keadaan psikologi dan persekitaran sosial mereka. Jika keadaan psikik dan lingkungan sosialnya menyokong perilaku positif maka ia akan melakukan tindakan prososial, dan begitu sebaliknya lantas mengakibatkan terjadinya aktiviti penyalahgunaan dadah.

REFERENSI

- Ajzen, I. 1988. *Attitude, Personality and Behaviors*. Bingham : Open University Press.
- Ahern, N. R., Ark, P., & Bayers, J. 2008. Resilience dan Coping Strategies in Adolescents. *Paediatric Nursing*. 20 (10), 32-36.
- Ainol, Farilah. 2010. Ketahanan Diri dan Tahap Pengetahuan tentang Bahaya Dadah dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Skripsi*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al Ahmady, A.A.N. 2000. Narkoba. Ihdzaru Al Mukhaddiraat. Penerjemah. Fadhli. B. Jakarta : Darul Falah.
- Arnett, J.J. 1990. Adolescent Storm and Stress, Reconsidered. *American Psychologist*, 54, 317-326.
- Azwar, Saifuddin . 2005. *Sikap Manusia "Teori dan Pengukurannya"*. Edisi II. Yogyakarta : Pustaka Pelajar Offset.
- Back, et.al. 2011. Comparative Profiles of Men and Women with Opioid Dependence : Results from a National Multisite Effectiveness Trial. *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, 37:313–323.
- Berzonsky, M.D. 1981. Adolescent Development. New York : Mac Millan. Publishing Co., Inc
- Crandel, T, L., Crandel C.H & Zanden J. W. Vander, 2009. *Human Development*, Ninth Edition. New York : McGraw-Hill Higher Education.
- Daradjat, Z. 1993. *Ilmu Jiwa Agama*. Jakarta : Bulan Bintang.
- Departemen Kesehatan Republik Indonesia. 1991. Pemuda dan Dadah. Jakarta.
- Departemen Kesehatan Republik Indonesia. 2000. *Laporan Tahunan Kunjungan Pasien Rawat Jalan dan Rawat Inap Rumah Sakit Ketergantungan Obat*. Jakarta.
- Departemen Sosial RI. 2007. *Data Kesejahteraan Sosial*. Jakarta: Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial.
- Fagan, R. 2006. Counseling and Treating Adolescents with Alcohol and Other Substance Use Problems and Their Family. *The Family Journal : Counseling Therapy for Couples and Families*. Vol. 14. No. 4. 326-333. Sage Publications. Diakses melalui <http://tfj.sagepub.com/cgi/reprint/14/4/326> pada 5 Oktober 2012.
- Furhmann, B.S. 1990. *Adolescence-adolescence*. Second Edition. Illinois : Scott Foresman and Company.

- Gordon, T. 1994. *Menjadi ibu bapa efektif*, (Jakarta : Gramedia, 1994), h. 127
- Gunarsa, S.P dan Gunarsa, Y.S.P. 1988. *Psikologi Perkembangan Anak dan Remaja*. Jakarta : BPK Gunung Mulia.
- Haditono, S.R. 1973. Penelitian mengenai Korelasi Antara Emosional Satisfaction dengan Pertumbuhan Fisik Anak. *Bulletin Psikologi*. 3. (1) 60-65.
- Hadjam, N. 1988. Koordinasi dalam Rangka Penyuluhan Penanggulangan Narkoba. Proyek Pembinaan Kesejahteraan Sosial Tahun Anggaran 1987/1988. *Laporan Pelaksanaan Penelitian*. Yogyakarta : Biro Bina Sosial.
- Hall, J.A., Aist, M.B., and Pike, K.M. 1984. Non verbal Behavior and Person Description in Men's and Women's Prose. *Journal of Nonverbal Behavior*, 7, 213-222.
- Handoyo, R.T., Rusli, E. 2008. Hubungan Komitmen Beragama dengan Intensi Berhenti Menyalahgunakan Narkoba Pasca Program Rehabilitasi. *Jurnal Psikologi Sosial*, Vol.14.No. 03.
- Hart, C.I., Ksir, C., Ray, O. 2009. *Drugs, Society, and Human Behavior*. Ed. Thirth. New York : McGraw Hill.
- Hasselt, V. B & Hersen, M. 1987. *Handbook of Adolescent Psychology*. UK : Pergamon Press.
- Hawari, D. 2004. *Penyalahgunaan dan Ketergantungan NAZA (Narkotika, Alkohol, dan Zat Adiktif)*. Jakarta: FK. Universitas Indonesia.
- Hurlock, E. B. 1980. *Developmental Psychology, a Life-Span Approach*. Fifth Edition, New York : Mc Graw-Hill. Inc.
- Hurlock, E.B. 1990. *Perkembangan Anak/Child Development*, Terj. Meitasari Tjandrasa, Cet. Ke-2, Jakarta : Erlangga.
- Irwanto. 1983. Tindakan-tindakan Pencegahan (Preventif) dalam Masalah Penyalahgunaan Obat. Makalah. Proyek Peningkatan Peran Serta Masyarakat dalam Penanggulangan Masalah Penyalahgunaan Obat-obat di Indonesia.
- Johnston LD, O'Malley PM, Bachman JG, Schulenberg JE. Bethesda, MD: National Institute on Drug Abuse; 2007. *Monitoring the Future national results on adolescent drug use: Overview of key findings*, 2006. (NIH Publication no. 07-6202).
- Kail, R.V., and Nelson, N.W. 1993. *Development Psychology*, Englewoods Cliffs, New Jersey : Printice Hall, Inc.
- Khaidzir Ismail dan Khairil Anwar. 2005. Kepribadian dan Tingkah Laku Kriminal di Kalangan Remaja : Suatu Perspektif Psikologi Perkembangan. *Journal Anima Indonesian Psychological*. Vol. 20, No.4, 313-329.
- Khaidzir Ismail. 2011. Remaja dan Masalah Keremajaan. *Artikel Psikologi Remaja*. Malaysia : Utusan Malaysia. 22 Julai.
- Kuntari, S. 2011. Menyingkap Tabir Penyebab dan Dampak Penyalahgunaan Narkoba. *Jurnal PKS Vol. 10, No. 4, Desember 2011; 409 - 425*
- McWhirter, J.J., McWhirter B.T., McWhirter, E.H., & McWhirter, R.J. 2007. *At Risk Youth : A*

Comprehensive Response for Counselors, Teachers, Psychologists, and Human Services Professionals. 4th Edition. United States of America : Thomson Brooks/Cole.

Monks, F.J., Knors, A.M.P., Haditono, Siti Rahayu, 1989. *Psikologi Perkembangan : Pengantar dalam Berbagai Bagiannya*. Yogyakarta : Gajah Mada University Press.

National Institute on Drug Abuse. US Department of Health and Human Services; 2006. Mar, NIDA INFO Facts. Retrieved February 20, 2009 from <http://www.drugabuse.gov/pdf/infofacts/HSYouthTrends06.pdf>.

Noraini Ahmad. 2000. *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Owens Karen, B. 2002. *Child and Adolescent Development, An Integrated Approach*. USA: Wadsworth/Thompson Learning.

Pope, et. al. 2011. Characteristics of Rural Crack and Powder Cocaine Use : Gender and Other Correlates. *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, 37 : 491– 496.

Prawitasari, J.E. and Khan, M.W. 1985. Personality Differences and Sex Similarities in American and Indonesian College Student. *The Journal of Social Psychology*, 124, 703-708.

Purwati, 1993. Hubungan antara Pola Asuh Orang Tua dengan Penyesuaian Diri Remaja di Kodya Magelang. *Tesis*. Yogyakarta:Pascasarjana Psikologi UGM.

Ratnasingam, M., Rahman, .W.R.A. 1990. Perkembangan Skala Penggunaan Dadah dalam Penyelidikan Pergantungan Dadah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 6, 103-118.

Rey, J. 2002. *More than Just the Blues : Understanding Serious Teenage Problems*. Sydney : Simon & Schuster. Sadar Hati Foundation. 2012. Materi Seminar 'Bahaya Penyalahgunaan Narkoba'. Malang

Santrock, J.W., Yussen, S.R. 1988. *Child Development*. Iowa : Wm. C Brown Publisher.

Santrock, J.W. 2001. *Life Span Development. Perkembangan Masa Hidup*. Edisi 5. Jilid. 1. Jakarta : Erlangga.

Santrock, Jhon. W. 2007. *A tropical Approach to Life-Span Development*, third Edition. New York: The McGraw-Hill Companies, Higher Education.

Sarwono, S.W. 2008. *Psikologi Remaja*. Jakarta : Raja Grafindo Persada.

Seputar Indonesia, 15 April 2008. *Berantas Penyalahgunaan Narkoba*. Jakarta.

Sugiarto. 2010. <http://sugiartoagribisnis.wordpress.com/2010/10/06/penyalahgunaan-narkoba-akibat-kenakalan-remaja/>, diakses 4 Oktober 2012

Supramono. G. 2004. *Hukum Narkoba di Indonesia*. Jakarta : Djambatan.

Syafii, A. bekerjasama dengan Balitbangda Provinsi Sulawesi Tengah dan TimPeneliti Universitas Tadulako. *Media Litbang Sulteng* 2 (2) : 86 – 93 , Desember 2009

Taib., A.G. 2010. *Dadah Strategi dan Kawalan di Sekolah – Sekolah*. Cetakan Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dawama, Sdn. Bhd.

Turner JS, Helm DB. 1991. *Lifespan Development*. Florida USA: Holt, Rineart and Winstons Inc.

TIM Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Kamus Besar, 1988. Jakarta : Balai Pustaka, Cet. Ke-1, h. 692

Undang-Undang Republik Indonesia No. 35 Tahun 2009 Tentang Narkotika.

Undang-Undang Republik Indonesia No. 5 Tahun 1997 Tentang Psikotropika.

Undang-Undang Republik Indonesia No. 22 Tahun 1997 Tentang Narkotika.

Yatim, D.I & Irwanto. 1991. *Kepribadian, Keluarga dan Narkotika : Tinjauan Sosial Psikologis*. Jakarta : Arcon.

Yatim, D.I. 1991. *Apakah Penyalahgunaan Obat itu ? Kepribadian, Keluarga dan Narkotika : Tinjauan Sosial Psikologis*. Jakarta: Arcon.

Wallace JM, Bachman JG, O'Malley PM, Schutenberg JE, Cooper SM, Johnston LD. *Gender and ethnic differences in smoking, drinking and illicit drug use among American 8th, 10th, and 12th grade students*, 2000. *Addiction*. 2003;8:225–234.